

DALAM usaha memperkasa aliran pendidikan agama Islam, golongan pentadbir dan penggubal undang-undang pada peringkat negeri dan Persekutuan tidak seharusnya bersikap seperti *hidup di bawah tempurung*.

Sikap yang lebih kepada usaha mempertahankan hak-hak dinyatakan dalam Perlembagaan Persekutuan bakal menyuarakan usaha untuk merapatkan jurang antara aliran tahfiz (persendirian) dengan pendidikan tahfiz arus perdana sedia ada (berdaftar dengan kerajaan negeri dan Persekutuan).



AZIZI UMAR

"Jika semangat keberhasilan masih tebal dalam kalangan pentadbir dan penggubal undang-undang berkenaan, maka ia akan merugikan masa depan aliran pendidikan tahfiz di negara ini, seolah-olah seperti mewujudkan suasana antara dua darjat.

"Inilah ibu kepada permasalahan tersebut dan saya percaya ia boleh diselesaikan jika mereka bersikap lebih terbuka," kata Penasihat Pusat Citra UKM, Dr. Azizi Umar.

Tambah beliau, suasana tersebut menyebabkan sistem pendidikan agama akan terus terabai walaupun semua pihak menyedari aliran pendidikan itu kini mendapat perhatian tinggi dalam kalangan ibu bapa.

Katanya, pada masa ini jumlah pelajar dan guru tahfiz sama ada yang berada dalam arus perdana atau persendirian amat ramai iaitu mencecah jutaan jumlahnya.

• Pelajar tahfiz arus perdana, jumlahnya adalah 4.6 juta orang dan persendirian pula, 1.72 juta orang.

• Bilangan guru dalam arus perdana, kira-kira 421,828 dan persendirian sebanyak 69,575

orang.

"Jumlah itu tidak termasuk sekolah tahfiz tidak berdaftar dan saya dimaklumkan bahawa terdapat 669 sekolah yang tidak berdaftar. (sumber: Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM) dan Sistem Maklumat

Pendidikan Islam (Simpeni).

"Keengganan untuk berdaftar tersebut kerana mereka bimbang implikasi hilang identiti, takut wujud campur tangan dalam pengurusan sekolah dan tidak tahu apakah kelebihan bila berdaftar," katanya.



CONTOH TERBAIK...
— Darul Quran Jakim di Kuala Kubu Bharu, Selangor boleh dijadikan model bagi pembinaan dan pembangunan institusi guru tahfiz di masa depan.

Elak sindrom bawah tempurung

DALAM ARUS PERDANA:

- Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI).
- Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA).
- Kelas Aliran Agama (KAA).
- Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA).
- Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA).
- MRSM Ulul Albab Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT).

LUAR ARUS PERDANA:

- Pondok / Madrasah.
- Sekolah Agama Negeri.
- Sekolah Agama Rakyat.
- Sekolah Agama Swasta.
- KAFA Persendirian.
- Pondok Tahfiz.
- Sekolah/Maahad Tahfiz Negeri.
- Sekolah/Maahad Tahfiz Rakyat.
- Sekolah/Maahad Tahfiz Swasta.
- Sekolah/Maahad Tahfiz Individu/Keluarga.



... mendidik kalangan guru agama tidak seharusnya terbantu ekoran ... bezaan pandangan. - GAMBAR BERNAMA

LATIHAN untuk guru agama boleh diselaraskan jika wujud kerjasama erat antara pusat, negeri dan swasta. - GAMBAR HASAN.